



31 Oktober 2017  
31 October 2017  
P.U. (A) 335

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

**PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN  
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL)  
(LEBUH RAYA BUKIT KAYU HITAM-JITRA)  
(PINDAAN) 2017**

***FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT)  
(COLLECTION OF TOLLS) (BUKIT KAYU HITAM-JITRA  
HIGHWAY) (AMENDMENT) ORDER 2017***

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)  
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA BUKIT KAYU HITAM-JITRA) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Bukit Kayu Hitam-Jitra) (Pindaan) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2017.

**Penggantian perenggan 3**

2. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Bukit Kayu Hitam-Jitra) 1989 [*P.U. (A) 16/1989*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dengan menggantikan perenggan 3 dengan perenggan yang berikut:

“3. Seseorang pemandu kenderaan hendaklah, Pembayaran tol”.  
sebelum melalui Plaza Tol Bukit Kayu Hitam yang terletak di koordinat U 720589.172, T 270981.835 Grid Rectified Skew Orthomorphic (RSO) Geosentrik (GDM 2000) yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, membayar tol yang kena dibayar secara elektronik dengan kad elektronik, peranti elektronik berserta kad elektronik, pelekat elektronik atau dengan apa-apa cara lain, yang dibenarkan oleh Menteri bagi maksud pembayaran tol.

**Penggantian perenggan 4**

3. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 4 dengan perenggan yang berikut:


“4. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), kenderaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dikecualikan daripada pembayaran tol. Pengecualian daripada pembayaran tol”.

(2) Kenderaan yang disebut dalam perenggan 8 Jadual Ketiga dikecualikan daripada pembayaran tol hingga 30 April 2018.

**Penggantian Jadual Kedua**

4. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA  
[Perenggan 2]  
PETA LEBUH RAYA BUKIT KAYU HITAM-JITRA



### **Penggantian Jadual Ketiga**

5. Perintah ini dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan Jadual yang berikut:

#### **“JADUAL KETIGA [Perenggan 4]**

##### **KENDERAAN YANG DIKECUALIKAN**

1. Mana-mana kenderaan yang membawa Yang di-Pertuan Agong atau Raja Permaisuri Agong, Raja-Raja atau Permaisuri-Permaisuri Baginda, Yang di-Pertua Negeri bagi Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak atau isteri-isteri mereka, Dato'-Dato' Undang Negeri Sembilan atau Tengku Besar Tampin atau isteri-isteri mereka, Tengku Mahkota atau Raja Muda mana-mana Negeri atau isteri-isteri mereka, Raja Di-Hilir Perak atau isterinya, atau mana-mana pembesar asing yang datang melawat.
2. Mana-mana kenderaan Kerajaan yang membawa Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri.
3. Semua kenderaan tentera yang dimiliki oleh Kerajaan atau mana-mana angkatan pelawat yang ditafsirkan dalam Akta Angkatan Pelawat 1960 [*Akta 432*].
4. Semua kenderaan Kerajaan yang digunakan semata-mata untuk tugas ambulans, tugas melawan kebakaran, tugas polis atau tugas menyelamatkan termasuk kenderaan pasukan penyelamat Jabatan Pertahanan Awam dan kenderaan Jabatan Penjara semasa menjalankan tugas mengiringi banduan.
5. Semua kenderaan yang bukan kenderaan Kerajaan yang digunakan semata-mata untuk tugas ambulans, tugas melawan kebakaran dan tugas menyelamatkan.
6. Semua motosikal beroda tiga atau beroda empat yang digunakan oleh mana-mana orang cacat.